

## Mengenai Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)

**Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)** kini mewakili lebih dari 350 syarikat dan perniagaan rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pengedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa, semua yang mana merangkumi lebih kurang 95% pasaran muzik di Malaysia. Antara lain, RIM merupakan -

- (a) Kumpulan Kebangsaan Malaysia untuk Gabungan Industri Fonografik Antarabangsa (International Federation of the Phonographic Industry' ("IFPI"));
- (b) Ahli Pasukan Petugas Khas Hakcipta, yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ("KPDNKK");
- (c) Ahli Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang Hakcipta, Jabatan Peguam Negara;
- (d) Setiausaha Majlis Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("CMCF"); dan
- (e) Ahli Persatuan Industri Muzik Asean (AMIA).

Semenjak penubuhannya pada 12<sup>hb</sup> Disember 1978, RIM (dahulunya dikenali sebagai Persatuan Pengeluar dan Pengedar Phonogram dan Videogram Malaysia (MAPV)), bersama dengan anak syarikatnya, Public Performance Malaysia Sdn Bhd, menyediakan perkhidmatan kepada ahli-ahli RIM melalui aktiviti-aktiviti seperti -

- (i) menggalakkan hubungan rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan juga memaklumkan pihak kerajaan mengenai perkara-perkara berbangkit bagi mengemaskinikan undang-undang sesuai dengan cabaran semasa;
- (ii) tindakan penguatkuasaan anti-cetak rompak, di dalam dan di luar mahkamah;
- (iii) mengusahakan perhubungan rapat untuk pembangunan dan manfaat bersama dengan persatuan-persatuan industri lain;
- (iv) kutipan dan pengedaran royalti muzik secara kolektif; dan
- (v) berusaha untuk mewujudkan keadaan perniagaan yang lebih sesuai, terutamanya dalam bidang digital atau 'new media'.

RIM juga berusaha untuk meraikan kualiti dan menggalakkan perpaduan dengan menganjurkan acara tahunan seperti acara anugerah muzik tahunan utama Malaysia, Anugerah Industri Muzik ('AIM'); acara sambutan Hari Raya Bersama RIM dalam usaha untuk memberi sumbangan amal kepada masyarakat; acara Sukan dan Makan Malam RIM iaitu satu acara sosial untuk mengeratkan keakraban industri; dan Kempenn 'Saya Cinta Muzik' untuk mempertingkatkan kesedaran, kefahaman dan minat kepada generasi muda. Sejak 2011, RIM telah bekerjasama secara erat dengan kerajaan Malaysia dalam melaksanakan projek-projek untuk membangunkan dan memasarkan industri muzik tempatan, antaranya ialah dengan penglibatan dalam MIDEM sejak tahun 2013 di Cannes, Perancis, melalui penubuhan sebuah Pavilion Malaysia di pameran perdagangan antarabangsa dan menjadi tuan rumah konsert khas "Malaysian Supernova".

### Anak Syarikat, Anugerah Muzik RIM dan Rakan Pusat Pelesenan Digital Syarikat Rakaman "Indie"



Public Performance Malaysia Sdn Bhd (**PPM**) merupakan anak syarikat RIM dan mewakili ahli-ahli RIM dalam aspek pelesenan muzik secara kolektif.



PPM juga bertindak sebagai ejen eksklusif kepada Recording Performers Malaysia Berhad ("RPM") iaitu badan pelesenan yang mewakili artis-artis dan pemuzik-pemuzik rakaman dalam perkara pelesenan secara kolektif.



Anugerah Industri Muzik ("AIM") ialah majlis penganugerahan RIM yang telah dianjurkan sejak tahun 1993 untuk memberi penghormatan kepada bakat-bakat tempatan dan juga mengiktiraf para artis, pemuzik, komposer, penerbit dan semua yang terlibat dalam produksi rakaman muzik Malaysia, kini dianjurkan dalam 3 format bahasa - Melayu (termasuk Bahasa Inggeris), Cina dan India.



One Stop Music Bhd (**OSM**) merupakan suatu badan kolektif yang ditubuhkan dengan sokongan RIM bagi mewakili ahli-ahli RIM yang terdiri daripada syarikat rakaman muzik bebas ('indies') untuk memudahkan urusan pelesenan digital bagi ahli-ahlinya, agregator kandungan dan para pengguna.

 <b>RIM</b> PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA	<p><b>Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)</b></p> <p>L-8-2, Tingkat 8, Blok L, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur</p> <p>603-6207 2800  603-6207 2900  www.rim.org.my  info@rim.org.my</p>
---	--